

**SURAT PEKELILING ICT NO. 4/2008**

**DARIPADA:** Setiausaha Kerajaan Sarawak

**KEPADA:** Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Residen dan Pegawai Daerah  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Badan Berkanun Negeri

**PERKARA: PENGGUNAAN TELEFON MUDAH ALIH BLACKBERRY**

**RUJ. KAMI:** JKM/ICT/ADM04/004(24)

**TARIKH:** 31 Julai 2008

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk menetapkan peraturan bagi penggunaan telefon mudah alih Blackberry (*mobile phone*) bagi Kerajaan Negeri. Sistem Blackberry akan diguna untuk menerima dan menghantar emel rasmi serta dijadikan platform *mobile computing* pada masa akan datang.
- 1.2 Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menggunakan sistem Blackberry yang dibekalkan oleh Celcom Mobile Sdn. Bhd.

**2. TAWARAN TELEFON MUDAH ALIH BLACKBERRY**

- 2.1 Pakej yang ditawarkan oleh Celcom Mobile Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:
  - a. Perkhidmatan asas bulanan yang wajib adalah sebanyak RM108.00 dengan 50 jam percuma bagi panggilan suara dan video dalam kumpulan pengguna Kerajaan Negeri Sarawak.
  - b. Caj panggilan dan SMS yang lain (di luar kumpulan pengguna Kerajaan Negeri Sarawak) adalah seperti berikut:
    - Caj panggilan ke 013/019 (Celcom) ialah 15 sen seminit
    - Caj panggilan ke rangkaian lain (selain Celcom) ialah 20 sen seminit
    - Caj SMS ke 013/019 (Celcom) ialah 5 sen setiap SMS
    - Caj SMS ke rangkaian lain (selain Celcom) ialah 15 sen setiap SMS
    - Caj SMS antarabangsa ialah 20 sen setiap SMS
  - c. Kontrak pakej ini ialah 24 bulan.

- d. Harga dan jenis telefon mudah alih Blackberry yang ditawarkan adalah seperti di Lampiran A.

### **3. PERATURAN PENGGUNAAN**

#### **3.1 Penggunaan Dibiayai Kerajaan**

Penggunaan rasmi telefon mudah alih Blackberry adalah diberikan kepada jawatan berikut:

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri, Peguam Besar Negeri, Setiausaha Kewangan Negeri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (I), Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (II), Timbalan Peguam Besar Negeri dan Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri;
- b. Setiausaha Tetap, Pengarah, Setiausaha Pihak berkuasa Tempatan dan Ketua Pegawai Eksekutif Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak;
- c. Residen dan Timbalan Residen; dan
- d. Pegawai Daerah.

3.2 Pegawai-pegawai yang tidak termasuk dalam kategori di perenggan 3.1 tetapi perlu menggunakan perkhidmatan Blackberry bagi tugas rasmi adalah dikehendaki mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kerajaan melalui Ketua Jabatan masing-masing untuk kelulusan menggunakan Borang permohonan di Lampiran D.

3.3 Syarat-syarat penggunaan rasmi seperti yang dinyatakan di perenggan 3.1 dan perenggan 3.2 adalah seperti berikut:

- a. Pembelian telefon mudah alih Blackberry adalah ditanggung oleh pegawai masing-masing;
- b. Kelayakan ini adalah tertakluk kepada satu telefon mudah alih Blackberry dan satu pendaftaran sahaja bagi setiap pegawai yang layak;
- c. Bayaran bulanan yang akan ditanggung oleh Kerajaan adalah RM108.00 untuk perkhidmatan asas;
- d. Panggilan/SMS rasmi menggunakan telefon Blackberry perlu dituntut daripada pejabat selepas ianya disahkan oleh Ketua Jabatan/Agensi.
- e. Bagi pegawai yang sudah memiliki telefon mudah alih yang ditanggung oleh Kerajaan, ianya perlu dikembalikan kepada Pejabat masing-masing sekiranya pegawai tersebut ingin mendapatkan telefon mudah alih Blackberry.

### 3.4 Penggunaan Tidak Dibiayai Kerajaan

Pemilikan telefon mudah alih Blackberry juga dibuka kepada pegawai-pegawai berikut dan bayaran bulanan adalah ditanggung sendiri:

- a. Pegawai yang dinyatakan di perenggan 3.1 yang ingin memiliki telefon mudah alih Blackberry yang kedua dengan harga sama termasuk bayaran bulanan yang ditawarkan kepada Kerajaan.
- b. Penjawat-penjawat Kerajaan Negeri lain yang ingin memiliki telefon mudah alih Blackberry dengan harga sama termasuk bayaran bulanan seperti ditawarkan kepada Kerajaan bagi kegunaan sendiri.

### 4. PROSEDUR PERMOHONAN


- 4.1 Bagi memudahkan permohonan dan pendaftaran, semua pegawai yang layak mengikut perenggan 3.1 adalah dikehendaki mengisi borang permohonan di **Lampiran B**.
- 4.2 Permohonan bagi kategori penggunaan tidak dibiayai Kerajaan hendaklah mengisi borang permohonan di **Lampiran C**.
- 4.3 Kedua-dua borang permohonan tersebut mestilah dikembalikan ke Unit ICT **pada atau sebelum 8 Ogos 2008**.

### 5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.




Sekian, harap maklum.

**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”**



**(DATUK AMAR WILSON BAYA DANDOT)**  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Sarawak

## Jenis dan Harga Telefon Mudah Alih Blackberry

		
Blackberry 8707g	Blackberry Pearl 8100	Blackberry Curve 8310
RM720.00	RM650.00	RM780.00

Maklumat lanjut berkenaan telefon mudah alih Blackberry di atas adalah seperti berikut:

Important features	Blackberry model		
	8707g	Pearl 8100	Curve 8310
Weight (grams)	134	88	111
Size in mm (l, w, h)	110, 69.5, 19.5	107, 50, 14.5	107, 60, 15.5
Navigation	Scroll wheel	Trackball	Trackball
Battery stand-by (hr)	450	360	408
Battery talk time (hr)	4	3.5	4
Connection	3G, EDGE, GPRS	EDGE, GPRS	EDGE, GPRS
Keyboard	Full	Half	Full
External memory	No	Micro SD	Micro SD
GPS	No	No	Yes
Camera	No	Yes	Yes

<b>Borang Pendaftaran Telefon Mudah Alih Blackberry Di Biayai Kerajaan</b>
--

Kepada:

**Pengarah****Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Ketua Menteri****Tingkat 4, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya****93502 Kuching.****(No. Tel: 082-492747/ No. Faks: 082-449002)**

<b>Maklumat Pegawai</b>	
-------------------------	--

Nama Pegawai :

No. Kad Pengenalan :

(Baru)

(Lama)

Jawatan :

Gred :

Nama Jabatan :

Alamat Pejabat :

Alamat Emel :

No. Tel Pejabat :

No. Tel Mudah Alih :

<b>Maklumat Tambahan</b> <i>(Sila tandakan ✓ pada kotak yang berkenaan)</i>
---

1. Adakah bil telefon mudah alih semasa dibiayai oleh Kerajaan?

Ya Tidak 

2. Adakah bil. telefon rumah semasa dibiayai oleh Kerajaan?

Ya Tidak 

<b>Pengesahan Ketua Jabatan</b>
---------------------------------

Nama Ketua Jabatan :

Tandatangan :

Cop Rasmi Jabatan :

**Nota:**

Sila kembalikan borang pendaftaran ini ke pejabat Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri melalui **no. faks 082-449002** selewat-lewatnya 8 Ogos 2008.

<b>Borang Pendaftaran Telefon Mudah Alih Blackberry Tidak Di Biyai Kerajaan</b>
---

Kepada:

**Pengarah****Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Ketua Menteri****Tingkat 4, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya****93502 Kuching.****(No. Tel: 082-492747/ No. Faks: 082-449002)**

<b>Maklumat Pegawai</b>
-------------------------

Nama Pegawai :

No. Kad Pengenalan :

(Baru)

(Lama)

Jawatan :

Gred :

Nama Jabatan :

Alamat Pejabat :

Alamat Emel :

No. Tel Pejabat :

No. Tel Mudah Alih :

<b>Pengesahan Ketua Jabatan</b>
---------------------------------

Nama Ketua Jabatan :

Tandatangan :

Cop Rasmi Jabatan :

**Nota:**

Sila kembalikan borang pendaftaran ini ke pejabat Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri melalui no. faks 082-449002 selewat-lewatnya 8 Ogos 2008.

<b>Borang Permohonan Telefon Mudah Alih Blackberry untuk Tugas Rasmi</b>
--

Kepada:

**Setiausaha Kerajaan Negeri  
Sarawak**

<b>Maklumat Pegawai</b>	
-------------------------	--

Nama Pegawai :		
No. Kad Pengenalan :	(Baru)	(Lama)
Jawatan :		
Gred :		
Nama Jabatan :		
Alamat Pejabat :		
Alamat Emel :		
No. Tel Pejabat :		
No. Tel Mudah Alih :		

<b>Justifikasi Permohonan</b>
-------------------------------

<b>Sokongan Ketua Jabatan :</b>	<b>DISOKONG/ TIDAK DISOKONG</b>
---------------------------------	---------------------------------

Nama Ketua Jabatan :	
----------------------	--

Tandatangan :	Cop Rasmi Jabatan :
---------------	---------------------

<b>Keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri :</b>	<b>LULUS /TIDAK LULUS</b>
---	---------------------------

Tandatangan :	Cop Rasmi Jabatan :
---------------	---------------------